

# Pusat baru di SIM mahu perkasa usahawan sosial

► NUR DHUHA ESOOF  
nurdhuha@sph.com.sg

Keupayaan mampan yang diperlukan untuk memajukan sektor perkhidmatan sosial negara ini akan dipupuk dan dibangunkan oleh sebuah pusat baru di Institut Pengurusan Singapura (SIM) yang akan dilancarkan pada 2024.

Ini akan dilakukan dengan membangunkan usahawan sosial, memupuk perusahaan sosial, dan mengukuhkan kerjasama dengan agensi perkhidmatan sosial.

Pusat itu, yang dinamakan Pusat Keusahawanan Sosial Dr Richard K M Eu – SIM (Ressec), merupakan kerjasama antara SIM dengan keluarga pengerusi pengasas institusi pembelajaran sepanjang hayat itu, Dr Richard Eu Keng Mun.

Dalam wawancara dengan *Berita Harian* (BH), Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif SIM, Encik Seah Chin Siong, berkata:

“Pusat ini juga ditubuhkan untuk memperingati pencapaian sepanjang hayat hidup mendiang Dr Eu dan mengekalkan visinya tentang keusahawanan sosial.

“Melalui pusat Ressec, kami berharap dapat melengkapi dan memperkasa generasi usahawan sosial seterusnya untuk menangani cabaran sosial di Singapura dan rantau ini.”

## MENDIANG DR EU PELOPOR SEKTOR SOSIAL

Penubuhan pusat itu diumumkan pada November 2023 sempena tahun kelahiran ke-100 mendiang Dr Eu.

Pengerusi Eu Yan Sang Holdings dari 1978 hingga 1993 itu meninggal dunia akibat sakit tua pada 2022 ketika berusia 99 tahun.

Beliau merupakan cucu kepada pengasas jenama perubahan tradisional Cina (TCM) tempatan, Eu Yan Sang.

Semasa hayatnya, mendiang Dr Eu menyumbang kepada banyak usaha sosial termasuk pendidikan.

Beliau berkhidmat sebagai pengerusi pengasas SIM dari 1964 hingga 1996 dan memainkan peranan penting dalam penubuhan dan pembangunan SIM.

Beliau merupakan pengerusi SIM yang paling lama berkhidmat dan berusaha gigih untuk mendapatkan pembiayaan serta lokasi tetap untuk SIM.

Beliau turut memperkenalkan beberapa program seperti diploma dalam pengajian pengurusan dan diploma dalam pengajian perniagaan untuk eksekutif berbahasa Mandarin bagi meningkatkan kemahiran pengurusan untuk memacu pembangunan ekonomi Singapura pada 1960-an dan 1970-an.

Menurut cucu mendiang Dr Eu, Encik Jonathan Eu, datuknya adalah pelopor dalam sektor sosial dan sangat terlibat dalam kebijakan masyarakat dan usaha membentuk pemimpin perniagaan.

“Menamakan pusat ini dengan nama datuk saya adalah penghormatan yang tulus kepada seorang lelaki yang kerja hidupnya telah memajukan fabrik sosial masyarakat kita dengan ketara.

“Kerjasama dengan SIM ini adalah satu pakatan strategik yang selaras dengan nilai kerjasama dan inovasi beliau.

“Ia melambangkan sinergi yang menjanjikan untuk mengakkan visinya dan mengekalkan legasi yang menghubungkan usaha masa lalu, kini dan masa depan dalam peningkatan sosial,” katanya.



Mendiang Dr Richard Eu Keng Mun merupakan pengerusi SIM yang paling lama berkhidmat dan berusaha gigih untuk mendapatkan pembiayaan dan lokasi tetap untuk SIM.



## MISI PUSAT RESSEC

“Sebagai sebuah pertubuhan pembelajaran sepanjang hayat tempatan, kami berasakan tanggungjawab untuk menyumbang kepada masyarakat yang berdaya tahan dan progresif, bagi pembangunan keseluruhan negara kita. Misi kami adalah untuk memperkasakan orang ramai dan pertubuhan agar belajar dan berkembang maju merentas peringkat kehidupan. Pendidikan bermutu adalah salah satu cara SIM boleh membuat sumbangan.”

– Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif SIM, Encik Seah Chin Siong.

## PUSAT RESSEC DORONG PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

Apabila pusat Ressec dilancarkan dalam suku kedua 2024, ia adalah sempena ulang tahun ke-60 SIM.

Menurut Encik Seah, pusat itu bertujuan memberi individu yang berminat atau berada dalam sektor perkhidmatan sosial sumber untuk meneruskan pembelajaran sepanjang hayat.

“Sebelum ini pernah dilaporkan bahawa terdapat peningkatan 19 peratus dalam bilangan pekerja pertengahan kerjaya yang menyertai sektor perkhidmatan sosial dari 2016 hingga 2022.

“Pendidikan bermutu dan program pembangunan kemahiran membantu mewujudkan tenaga kerja yang berdaya saing untuk Singapura,” kata Encik Seah.

“Sebagai sebuah pertubuhan pembelajaran sepanjang hayat tempatan, kami berasakan tanggungjawab untuk menyumbang kepada masyarakat yang berdaya tahan dan progresif, bagi pembangunan keseluruhan negara kita.

“Misi kami adalah untuk memperkasakan orang ramai dan pertubuhan agar belajar dan berkembang maju merentas peringkat kehidupan.

“Pendidikan bermutu adalah salah satu cara SIM boleh membuat sumbangan,” tambahnya.

Menerangkan lanjut, Encik Seah berkata pusat Ressec ditubuhkan untuk membolehkan dan melengkapi kakitangan agensi perkhidmatan sosial dengan sumber dan kemahiran yang betul untuk menangani keperluan perniagaan dan masyarakat moden.

Ia akan memberi tumpuan kepada membangunkan usahawan sosial, memupuk perusahaan sosial, dan menjalin kerjasama dengan agensi perkhidmatan sosial bagi memperkasa generasi usahawan sosial yang seterusnya untuk menangani cabaran sosial.

Selain menyediakan pendidikan, biasiswa dan dermasiswa untuk menyokong individu yang berminat menangani cabaran sosial, pusat itu juga boleh membiayai kajian mengenai landskap sosial, mewujudkan pangkalan data pengetahuan berkaitan dan membina kepakaran

dalam topik perkhidmatan sosial.

## TAWAR PROGRAM DIPLOMA KEPAKARAN

Program pertama yang akan ditawarkan pusat Ressec selepas dilancarkan nanti ialah program diploma kepakaran dalam keusahawanan sosial (SDSE).

Program itu disasarkan untuk membangunkan dan melengkapi individu yang mahu atau sedang bekerja dalam sektor perkhidmatan sosial dengan kemahiran dan pengetahuan untuk menjadi penggerak perubahan sosial dan usahawan sosial yang berkesan.

“Program SDSE bertujuan membolehkan pelajar memahami sifat masalah sosial, membangunkan pendekatan praktikal untuk menyelesaikannya, dan membangunkan kemahiran serta pemikiran untuk merangka huraian inovatif bagi menangani cabaran sosial dan membentuk masa depan yang lebih cerah,” kata Encik Seah.

“Program ini menawarkan peluang unik kepada peserta untuk belajar, berkembang, dan memberi kesan positif kepada dunia, meletakkan mereka pada laluan ke arah kerjaya sebagai usahawan sosial dan penggerak perubahan sosial,” tambahnya.

Menurut Encik Seah, kurikulum SDSE dibangunkan oleh pasukan akademik SIM dan telah disahkan oleh 11 pakar dalam sektor perkhidmatan sosial bagi memastikan ia memenuhi cabaran unik industri itu.

Antara lain, pusat itu akan mengundang penyarah jemputan daripada agensi khidmat sosial dan pelbagai sektor lain bagi memberi pelajar pengetahuan yang relevan kepada konteks, dan melengkapi mereka dengan kemahiran yang diperlukan dalam bidang itu.

“Kami berhasrat membawa pemimpin dan individu yang membuat impak untuk berkongsi pengalaman mereka serta cabaran unik dalam bidang ini, dan dengan itu dapat mempersiapkan pelajar kami dengan lebih baik untuk melangkah ke dalam tenaga kerja dan menyumbang ke arah sektor ini,” katanya.

Pusat Ressec dinamakan sempena pengerusi Pengurusan Singapura (SIM), mendiang Dr Richard Eu Keng Mun. Kerjasama antara SIM dengan Keluarga Eu dimeterai pada hujung 2023 dalam majlis menandatangani perjanjian melibatkan cucu mendiang, Encik Jonathan Eu (dua dari kiri), dan presiden serta Ketua Pegawai Eksekutif SIM, Encik Seah Chin Siong (dua dari kanan). – Foto-foto SIM